

# INTEGRITI

---

## FALSAFAH INTEGRITI

Integriti berasal daripada perkataan Latin, iaitu 'integer' yang bermaksud menyeluruh, sempurna, kesatuan yang teguh (Widang dan Fridlund, 2003) dan keutuhan (Hooks, 2010). Nombor integer memiliki falsafah tersendiri dalam kalangan pemikir integriti. Integriti merangkumi sifat-sifat menyeluruh seorang individu tanpa terpisah-pisah sebagaimana keseluruhan nombor integer atau nombor bulat dalam konteks matematik (Anderson, 2000). Nombor integer yang tidak mempunyai sebarang pecahan melambangkan keperibadian seseorang yang lurus, tidak terpecah-pecah dan bercanggah antara pemikiran, sikap dan tindakan. Ianya juga melambangkan kesempurnaan dan ketinggian kualiti peribadi, organisasi dan komuniti, produk atau perkhidmatan. Individu yang berintegriti adalah individu yang berpendirian teguh, berprinsip, jujur, tidak bersifat hipokrit dan memiliki kualiti peribadi yang terpuji. Mereka juga melakukan perkara yang mereka rasakan betul meskipun mendapat pelbagai tentangan daripada pelbagai pihak (Ben-Shahar, 2010).

Manusia dan integriti ibarat cincin dengan permata, saling memperindah. Emas yang tinggi mutunya hanya terserlah keindahannya apabila dihiasi dengan permata yang juga tinggi kualitinya. Ramai orang sanggup membayar harga yang mahal, bahkan lebih mahal daripada harga sebuah kediaman yang mewah semata-mata untuk

memiliki sebetuk cincin berlian yang bermutu tinggi. Cincin besi juga turut menjadi mahal bila diikat dengan permata yang indah. Sebaliknya tanpa permata yang indah, cincin besi hampir tidak mempunyai nilai sama sekali, manakala cincin emas hanya dapat dijual mengikut berat emas. Begitu juga dengan manusia, integriti memberikan nilai tambah melalui nilai estetika yang terhasil daripada paduan nilai kekuatan fizikal dan akal dengan integriti yang dimilikinya. Justeru, sehebat manapun seseorang tetapi tanpa integriti yang tinggi, ia tidak akan mampu meletakkan dirinya pada kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT mahupun di sisi manusia.

Setiap manusia mempunyai potensi integriti yang tinggi. Sebaik mencapai usia baligh dan berakal, manusia diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir bumi ini dengan sebaik-baiknya. Firman Allah SWT dalam Surah *al-Baqarah*, ayat ke-30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةًۭۙ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِىْهَا مَنْ يُّفْسِدُ فِىْهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۙ قَالَ اِنِّىْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَۙ ﴿٣٠﴾

*Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku jadikan di bumi seorang khalifah. Berkata malaikat: Adakah Engkau hendak jadikan di muka bumi ini orang yang melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, sedangkan kami sentiasa bertasbih dan bertaqdis dengan memuji Engkau? Jawab Allah SWT: Aku lebih mengetahui apa yang kamu tidak ketahui.*